

Program Pembangunan Pelajar di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia

Mohamed Fuad Ahmad, Hamidah binti Ab.Rahman,
Norzaidahwati Zaidin, Faruk bin Muhammad, Dr Rozeyta Omar,
Sariati Azman, Rosillah Jamil dan Aniza Othman
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor
m-fuad@utm.my
suria29jb@yahoo.com

Abstrak: Kertas kerja ini membincangkan program pembangunan pelajar yang dilaksanakan oleh Jawatan Kuasa Pembangunan Pelajar di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Sejak jawatan kuasa tersebut ditubuhkan sehingga hari ini, pelbagai program motivasi dilaksanakan untuk pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi akademik yang kurang memuaskan dan ini telah dijalankan secara berterusan. Program motivasi yang telah dijayakan baru-baru ini memperlihatkan suatu kelainan apabila ia melibatkan bukan sahaja pelajar-pelajar berprestasi lemah tetapi juga mereka yang berprestasi cemerlang dalam akademik. Tujuan program ini ialah untuk membentuk pelajar supaya bersahsiah mulia, berdaya tahan, sedar terhadap kewajipan menuntut ilmu, sentiasa meningkatkan dan mengekalkan komitmen serta kecemerlangan dalam segala bidang termasuk akademik. Antara pengisian program ini ialah Taaruf Bersama Penasihat Akademik, Mentor-Mentee, Penetapan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) Sasaran, Ceramah Pengurusan Stres, Perbincangan Analisis Masalah Dalam (Problem Mooney Checklist), Perbincangan Penasihat Akademik dengan Pelajar, Riadah serta Ceramah dan Analisis Ujian Personaliti. Berdasarkan kepada penilaian yang dibuat (penilaian peserta) program ini telah berjaya membantu pelajar menjadi seorang yang bermotivasi, berkeyakinan serta berani menghadapi cabaran hidup. Cadangan telah dikemukakan kepada pihak FPPSM berdasarkan hasil post-mortem program bagi membantu mempertingkatkan dan memantapkan lagi program pembangunan pelajar FPPSM di masa akan datang.


Katakunci: Pembangunan, motivasi.


Pengenalan

Pembangunan dan kemajuan yang berlaku di sesebuah negara banyak bergantung kepada perkembangan ilmu di institusi pengajian tinggi (IPT) negara tersebut. Ini bermakna peranan IPT amatlah penting bukan sahaja untuk melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang pekerjaan, tetapi juga untuk membentuk serta mengawal sahsiah seseorang insan supaya dapat mengembangkan ilmu dan daya kognitifnya bagi menghadapi segala cabaran hidup termasuk cabaran pekerjaan (Noran Fauziah, 1993). Bagi semua IPT, pencapaian akademik pelajar merupakan salah satu tanggung jawab penting pembangunan pelajar. Pencapaian akademik pelajar merupakan kayu-ukur pembangunan pelajar sesebuah universiti.

Pembangunan merupakan satu perkara yang perlu dilalui oleh manusia dalam satu keadaan tertentu. Pembangunan yang seimbang adalah pembangunan dari segi kebendaan dan kerohanian (Hazil, 1990). Konsep pembangunan itu sendiri membawa matlamat untuk pembaikan taraf hidup (Nor Aini et.al, 1996). Oleh itu, konsep pembangunan pelajar sangat berkait rapat dengan pembangunan manusia atau insan (Abd. Jalil, 1999) yang juga perlu dikaitkan dengan kualiti hidup pelajar dan seharusnya mampu menangani hal-hal yang berkaitan dengan permasalahan pelajar sama ada berkaitan dengan fizikal, mental mahupun kerohanian. Oleh itu pembangunan pelajar perlu dirancang dengan teliti agar dapat membentuk insan yang seimbang dan harmonis, sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Insan yang seimbang dan harmonis bermaksud insan yang memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain.





Rajah 1: Insan yang Seimbang dan Harmonis

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001:8

Untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, semua potensi yang ada pada diri manusia perlu dikembangkan secara selaras, menyeluruh dan harmonis. Individu yang seimbang dan harmonis adalah manusia yang mempunyai sahsiah yang bersepadu, menikmati ketenangan dan kesejahteraan dalam jiwanya. Insan yang seimbang dan harmonis sentiasa bersyukur, bersedia menerima segala ujian dan cabaran hidup serta sentiasa berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi dengan fikiran yang tenang. Seimbang merujuk kepada moral yang baik, manakala harmonis adalah akhlak yang mulia. Kesepaduan inilah yang akan melahirkan insan yang baik. Keadaan begini, akan mencetuskan perhubungan yang baik dan mesra sesama manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Tuhan. Ini akan melahirkan insan seimbang antara akhliah dan rohaniah.

Di UTM, pembangunan pelajar dipertanggungjawabkan kepada setiap fakulti terutama dalam memantau dan mengurangkan perbezaan prestasi akademik pelajar. Di FPPSM tanggung jawab pemantauan prestasi akademik pelajar diserahkan kepada Jawatan Kuasa Pembangunan Pelajar. FPPSM begitu prihatin terhadap pembangunan pelajar agar misi fakulti untuk melahirkan graduan yang berketrampilan dan berbudaya teknologi serta menghasilkan produk berkualiti yang boleh dipertanggungjawabkan dalam bidang pengurusan dan sains sosial akan tercapai.

Di FPPSM, bilangan pelajar yang berjaya mendapat kelas pertama semakin meningkat dari tahun ke tahun. Apa yang menjadi sasaran fakulti kini ialah untuk mengekalkan lagi prestasi yang sedia ada di samping terus berusaha bagi pencapaian yang lebih baik serta mengurangkan bilangan pelajar yang mendapat kelas ketiga atau kedua rendah serta pelajar-pelajar yang mendapat keputusan dengan kedudukan bersyarat (KS) atau kedudukan gagal (KG). Pelajar beginilah yang perlu diberi perhatian khusus oleh Jawatan Kuasa Pembangunan Pelajar FPPSM. Selaras dengan itu, setiap tahun Jawatan Kuasa ini merangka pelbagai rancangan untuk pembangunan pelajar, terutamanya mengadakan program motivasi.

Bagi tahun 2006, satu bengkel kecemerlangan bagi pelajar FPPSM telah diadakan pada 18 dan 19 Februari 2006 di Mutiara Motors Resort, Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan. Berikut adalah aktiviti-aktiviti tersebut.

AKTIVITI 1 – Sesi taaruf dalam kumpulan bersama penasihat akademik

Menurut teori komunikasi, perhubungan seorang individu dengan individu yang lain akan menjadi lebih erat jika mereka berkongsi maklumat mengenai latar belakang diri masing-masing. Proses yang dinamakan sebagai pendedahan sendiri ini dapat membentuk komunikasi yang berkesan di antara kedua pihak. Ia merupakan proses yang penting untuk mewujudkan pergaulan sosial yang harmoni. Sehubungan itu, bengkel Kecemerlangan Pelajar Islam ini telah dimulakan dengan sesi suai kenal atau taaruf di antara para pelajar serta penasihat akademik (PA). Tujuan sesi ini ialah untuk meningkatkan hubungan antara pelajar dengan pelajar, dan juga antara pelajar dengan PA masing-masing. Sesi ini diperlukan memandangkan ada di antara peserta bengkel yang tidak mengenali antara satu sama lain serta tidak mengenali PA masing-masing. Oleh itu, sesi tersebut dilaksanakan dengan harapan dapat membantu mereka berkenal-kenalan serta menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling.

Bagi mencapai maksud di atas, setiap pelajar dipasangkan secara rawak dengan seorang pelajar yang lain. Mereka seterusnya diberi sedikit masa untuk kenal-mengenal pasangan masing-masing seperti nama, kursus, perkara-perkara yang tidak disukai dan sifat kelemahan diri yang ingin dibaiki. Sesi tersebut diakhiri dengan perbincangan tentang faedah yang mereka perolehi dari sesi taaruf tersebut seperti berikut:

- Mengetahui kelebihan diri rakan
- Mengenal rakan dengan lebih mendalam
- Berkongsi pengalaman / bertukar-tukar pandangan
- Berani menyuarakan pendapat dan idea yang bernas
- Memperbaiki sifat pemalu
- Mengenal kelemahan diri sendiri dan memperbaikinya
- Mengelakkan daripada membuat perkara yang tidak disukai oleh orang lain
- Mengembangkan idea untuk meningkatkan keberkesanan kemahiran bersosial dan pembelajaran
- Mewujudkan kemesraan sesama rakan
- Menenangkan fikiran

Berdasarkan dari maklum balas pelajar seperti yang tersenarai di atas, dapat disimpulkan bahawa sesi taaruf tersebut berjaya terutama sekali dalam meningkatkan kemahiran interpersonal dan komunikasi pelajar. Dengan ini mereka akan lebih berkomunikasi antara mereka dan lebih rapat dengan PA masing-masing.

AKTIVITI 2 - Penetapan Sasaran Purata Nilai Gred dan Purata Nilai Gred Keseluruhan

Sasaran adalah merupakan apa yang ingin dituju, dicapai atau diperolehi. Justeru, sasaran kerap kali digunakan sebagai fokus kepada aktiviti pengurusan, tidak kira samada pengurusan perniagaan, pengurusan sumber mahupun pengurusan diri. Faktor yang menggalakkan penggunaan sasaran sebagai fokus adalah kerana sifat sasaran itu sendiri, yang mana ia adalah asas kepada perancangan. Sasaran merupakan satu bentuk keputusan yang jelas dari segi kualiti dan kuantitinya, boleh diukur dan mempunyai ketetapan tertentu menurut keperluan yang telah ditentukan. Sasaran turut menjadi sebab mengapa sesuatu aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang, tujuannya supaya setiap langkah dan aktiviti menjurus kepada pencapaian sasaran yang ingin dicapai pada satu-satu ketetapan masa.

Pelajar dalam konteks pembelajaran di Universiti turut disarankan untuk mengguna pakai konsep sasaran Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) sebagai garis panduan yang dapat mendorong, memantau serta mengawal aktiviti pembelajaran pada setiap semester. Penggunaan konsep ini dapat membantu pelajar bergraduasi dengan PNGK yang dikehendaki serta membentuk sikap komitmen tinggi terhadap pembelajaran.

Objektif dan Tujuan

Objektif dan tujuan penetapan sasaran PNG dan PNGK adalah seperti berikut:

- a. Penetapan sasaran mencerminkan satu teknik pembelajaran berobjektif, dimana pelajar mengetahui hala tuju dan apa yang akan dilalui olehnya sepanjang tempoh pengajian.
- b. Penetapan sasaran dapat membantu pelajar menjalani proses pembelajaran secara terancang dan berupaya untuk membuat ramalan terhadap kemungkinan yang bakal ditempohi sepanjang tempoh pembelajaran.
- c. Penetapan sasaran membolehkan pelajar mengetahui dengan lebih jelas kekuatan dan kelemahan diri masing-masing, dan ini berupaya untuk membuat pelajar lebih komited terhadap pembelajaran mereka.

Kaedah Penetapan PNG dan PNGK


Sasaran PNG dan PNGK dilaksanakan dengan mengguna pakai pendekatan strategik dan kaedah simulasi. Pelajar perlu menganalisis senario semasa diri sendiri; menganalisis keperluan program yang sedang diikuti; serta mengenalpasti bentuk-bentuk sokongan dan kekangan yang sedia menunggu mereka dalam menjalani semester-semester mendatang. Pelajar-pelajar akan membuat simulasi dengan menggunakan "spread sheet", di mana setiap kursus telah disusun mengikut tahun dan semester penawarannya, bersama dengan kredit serta sasaran gred yang berupaya diperolehi oleh seseorang pelajar. Pelajar akan membuat simulasi dengan membuat ulangan sasaran gred bagi setiap kursus sehingga sasaran yang dikehendaki terbentuk. Gabungan gred bagi setiap kursus akan menghasilkan PNG yang dikehendaki, dan itulah gred sasaran yang seseorang pelajar akan berusaha untuk mencapainya pada setiap penghujung semester.

Masa yang sesuai untuk membuat penetapan adalah pada Semester II - Tahun Pertama pengajian kerana penetapan sasaran perlu dilakukan seawal yang mungkin supaya sasaran akhir akan lebih tinggi kebarangkalian kebolehcapaiannya. Semester II, Tahun Pertama adalah masa yang sesuai bukannya Semester I Tahun Pertama kerana pelajar perlu mempunyai pengalaman belajar di peringkat pengajian tinggi serta telah menyesuaikan diri dengan sistem pengajian di universiti. Dengan pengalaman dalam semester pertama, pelajar lebih berupaya untuk menganalisis kekuatan dan kelemahan diri masing-masing dan pemahaman dengan sistem pengajian membolehkan mereka mengetahui kesemua kursus dan selok belok program masing-masing. Justeru, tahap kesukaran, kursus mudah, kursus berasaskan amali dan praktikal, kursus berasaskan teori, kesemuanya boleh dikenalpasti lebih awal.

PNG yang telah ditetapkan akan dijadikan garis panduan dan perlu dipantau dengan menggunakan sasaran tersebut sebagai garis panduan sepanjang tempoh pengajian sehingga masa yang ditetapkan tiba dan keputusan dianalisis serta diukur. Pengukuran dibuat dengan membandingkan pencapaian sebenar dengan sasaran yang ditetapkan. Keputusannya, pencapaian boleh menepati sasaran dengan tepat, terlebih atau terkurang dari sasaran. Jika terlebih, kemungkinan pelajar tersebut kurang memahami kekuatan diri sendiri atau pun membuat agakan yang kurang tepat disebabkan kualiti maklumat yang kurang tepat. Tetapi jika pencapaian kurang dari sasaran, berkemungkinan pelajar tersebut tidak mengawal aktiviti pembelajaran secara teliti ataupun berlaku keadaan diluar kawalan. Di akhir jangka masa, pencapaian sebenar akan dibandingkan dengan sasaran, dan tindakan selanjutnya dapat dicorakkan dengan lebih tepat kerana kelemahan atau kekuatan telah dapat dikenalpasti secara tepat dan berasaskan pengalaman sendiri oleh pelajar-pelajar tersebut.

Proses Penetapan Sasaran PNG dan PNGK

Pelajar-pelajar perlu melalui proses tertentu sebelum sesuatu PNG dan PNGK dapat disasarkan. Rujuk Rajah 2.



Rajah 2: Proses Penetapan PNG dan PNGK Sasaran

Langkah 3: Kaedah Pengiraan PNG

Semester I, Tahun 1


Gred Kursus	Mata Kredit (a)	Keputusan (b)	(a) * (b)	Keputusan akhir semester <u>(a) * (b)</u> (c)
-------------	--------------------	------------------	-----------	---

Kursus 1:	3	A (4.00)	12.00	$\frac{38.43}{12} = 3.20$
Kursus 2:	3	B+ (3.33)	9.99	
Kursus 3:	3	C (2.00)	6.00	
Kursus 4:	2	A- (3.67)	7.34	
Kursus 5:	1	B (3.00)	3.00	
Jumlah	12 Kredit (c)		38.43	

Langkah 4: Teknik Simulasi

Plan A:
 Plan B: } Set pencapaian Sem II Tahun I sehingga Sem II Tahun Akhir
 Plan C: }

Setiap Set akan diulang beberapa kali sehingga keputusan PNG akhir menyamai sasaran. Jika tidak dapat dicapai, maka pelajar akan memikirkan plan B dengan set gred pencapaian yang berlainan. Kemudian pelajar akan memilih set plan yang paling sesuai dengan keupayaan diri mereka setelah mengambilkira usaha dan tahap komitmen yang tinggi dalam pembelajaran.



AKTIVITI 3 – Ceramah bagaimana untuk menangani stress

Kehidupan sebagai seorang pelajar di institut pengajian tinggi kadang kala boleh mengakibatkan stres atau tekanan kepada seseorang pelajar. Pelajar mungkin berasa tertekan disebabkan bimbang dengan peperiksaan, tugas yang banyak, masalah perhubungan dengan rakan-rakan, perubahan yang mendadak dari kehidupan di rumah bersama keluarga kepada kehidupan yang *independent* di asrama, serta keadaan belajar yang tidak selesa. Stres yang di tahap teruk dan tidak terkawal boleh memberi kesan ke atas fizikal, emosi serta tingkah laku pelajar tersebut. Jika perkara ini berlaku, prestasi akademik pelajar juga boleh terjejas.

Berdasarkan kepentingan isu stres, satu ceramah mengenai pengurusan dan teknik menangani stres dengan berkesan telah diadakan. Ceramah ini disampaikan oleh Prof Madya Syed Mohamed Shafeq bin Syed Mansor, pensyarah dari Fakulti Pendidikan, UTM. Ceramah ini antara lain membincangkan mengenai punca-punca yang boleh menyebabkan stres, simptom seseorang dilanda stres, serta pelbagai teknik yang boleh diaplikasikan untuk mengawal tahap stres. Tujuan ceramah tersebut adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar mengenai cara-cara yang boleh dilakukan untuk menangani stres yang dihadapi agar ia tidak menjejaskan kecemerlangan pelajaran mereka.

Ceramah ini dapat menyedarkan pelajar bahawa stres adalah suatu masalah yang normal dikalangan pelajar. Apa yang penting, mereka perlu bijak menyusun aktiviti harian mereka serta mengamalkan gaya hidup berkualiti supaya mereka dapat hidup bebas daripada sebarang tekanan yang boleh mengganggu pengajian mereka. Selain itu, ceramah ini juga mengajar pelajar supaya lebih tenang dalam menghadapi sebarang tekanan dan lebih bijak dalam menangani sebarang masalah.

AKTIVITI 4 – Analisis Dalaman Menggunakan *Mooney Problem Checklist*

Aktiviti seterusnya yang dilaksanakan dalam sesi bengkel ini ialah mengadakan satu ujian analisis yang bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di FPPSM. Sesi ini juga dikendalikan oleh Prof Madya Syed Mohamed Shafeq bin Syed Mansor. Satu ujian yang dikenali sebagai Analisis Masalah Dalaman Mooney Problem Checklist (MPCL) telah diberikan kepada pelajar-pelajar. Ujian ini mengandungi 330 soalan dan pelajar dikehendaki menjawab sama ada 'ya' atau 'tidak'.

Matlamat analisis ini ialah untuk mengetahui apakah masalah-masalah utama yang sering mengganggu pelajar serta setakat mana masalah tersebut menjejaskan prestasi pengajian mereka.

Ujian ini telah dianalisis mengikut kumpulan pelajar daripada tiga program ijazah yang terdapat di FPPSM. Keputusan yang diperolehi mendapati terdapat sedikit perbezaan dari segi masalah dalaman yang dihadapi oleh pelajar-pelajar daripada setiap program. Pelajar-pelajar SHD¹ lebih risau tentang cara untuk memperbaiki pemikiran mereka serta bagaimana untuk mempunyai personaliti yang lebih menarik. Manakala pelajar-pelajar SHF² pula lebih risau tentang masa depan serta kerjaya mereka. Sementara itu, pelajar-pelajar SHR³ pula lebih tertekan apabila mengenangkan ibu-bapa mereka yang telah banyak berkorban untuk mereka. Secara keseluruhannya, lima masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di FPPSM ialah risau tentang peperiksaan, risau tentang kerjaya, risau tentang cara untuk memperbaiki minda, risau tentang perancangan masa depan serta lebih ingin dekat dengan Tuhan.

Aktiviti ini sekali lagi menyedarkan pelajar-pelajar tentang masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh mereka. Mereka perlu segera bertindak menangani masalah ini secara bijak jika tidak mahu ia terus mengganggu pengajian mereka di kampus. Di samping itu, aktiviti ini juga memberi input kepada pihak fakulti supaya lebih sensitif tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar.

AKTIVITI 5 hingga 8 - Perbincangan PA dengan pelajar

Salah satu ciri utama sistem pengajian berasaskan semester adalah kewujudan konsep penasihat akademik. Di bawah konsep ini, setiap pensyarah dipertanggungjawabkan ke atas beberapa orang pelajar. Antara tujuan penasihat akademik dilaksanakan adalah untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan sistem semester, membimbing pelajar dalam menyelesaikan masalah akademik dan sosial, membantu pelajar mengenali diri dari segi minat, kebolehan dan halangan diri, membantu pelajar menentukan matlamat hidup mereka dengan menghubungkan minat, kemahiran, kebolehan dan nilai mereka dengan kerjaya dan pekerjaan yang sesuai, serta memberi bimbingan kepada setiap pelajar untuk membantu mereka berjaya dengan cemerlang.

Bagi mencapai matlamat penasihat akademik tersebut, komitmen dan kerjasama dari kedua-dua pihak, iaitu pelajar dan juga penasihat akademik adalah diperlukan. Ini termasuklah dalam memastikan pertemuan yang kerap serta berterusan di antara pelajar dan penasihat akademik. Malangnya, masalah seperti pelajar tidak bertemu PA, pelajar hanya berjumpa PA hanya pada awal semester untuk mendapatkan tandatangan untuk

¹ SHD ialah program Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)

² SHF ialah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

³ SHR ialah program Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

pendaftaran mata pelajaran, serta pelajar dan PA langsung tidak kenal antara satu sama lain adalah biasa berlaku. Masalah sebegini akan mencatatkan pelaksanaan dan menggagalkan pencapaian matlamat sistem penasihatan akademik.

Selaras dengan kepentingan peranan penasihat akademik, bengkel Kecemerlangan Pelajar FPPSM turut melaksanakan beberapa aktiviti yang melibatkan pelajar dengan PA mereka. Pensyarah yang menjadi PA peserta yang terpilih ke bengkel tersebut dihubungi dan dikehendaki hadir sama. Aktiviti yang dijalankan melibatkan perbincangan mendalam di antara pelajar dengan PA masing-masing. Selain kenal-mengenal, mereka diminta untuk menetapkan jadual pertemuan di mana setiap pelajar dimestikan untuk berjumpa dengan PA mereka sekurang-kurangnya tiga kali dalam setiap semester. Selain pertemuan kerap dengan PA, pelajar juga dikehendaki untuk berhubung dengan pelajar-pelajar lain yang berada di dalam seliaan PA yang sama. Kekerapan dan bila mereka perlu bertemu juga ditentukan. Pertemuan ini membolehkan pelajar untuk berkongsi masalah serta saling membantu antara satu sama lain.

Pertemuan di dalam situasi yang tidak formal dirasakan dapat mengeratkan lagi perhubungan pelajar dengan PA. Sehubungan dengan itu, setiap PA juga dikehendaki untuk merancang dan menetapkan sebarang aktiviti tidak formal yang boleh dilakukan dengan pelajar. Berikut adalah senarai aktiviti tidak formal yang paling banyak dirancang.

<i>Bil.</i>	<i>Cadangan Pertemuan Dalam Aktiviti Tidak Formal</i>
1	Jamuan makan
2	Lawatan
3	Perkemahan
4	Bowling
5	Tengok wayang
6	Bersukan
7	Perjumpaan dengan keluarga PA
8	Melancong

Pelajar juga digalakkan untuk membuat kontrak cas positif kepada rakan dalam kumpulan masing-masing. Ini bertujuan agar pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan rakan dan dengan itu mampu mengujudkan suasana belajar yang kondusif. Antara cas positif yang dijanji ialah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Cadangan Cas Positif</i>
1	Makan bersama
2	Senyum
3	Beli kad <i>top up</i>
4	Berhubung menggunakan Sistem Pesanan Ringkas (SMS)
5	Tengok wayang
6	Belajar bersama
7	Kejut solat subuh
8	Hadiah, kad ucapan

Aktiviti 9 – Ceramah dan Analisis Ujian Personaliti

Aktiviti ke sembilan yang dilaksanakan ialah mengadakan ceramah berkaitan tahap personaliti. Sekali lagi sesi ini dikendalikan oleh Prof. Madya Syed Mohamed Shafeq bin Syed Mansor. Antara objektif ceramah ini ialah membantu pelajar mengenali diri, meningkatkan tahap komunikasi di kalangan pelajar serta meningkatkan tahap profesionalisme dalam situasi pekerjaan. Selain daripada itu, satu ujian personaliti juga dilaksanakan bagi mengetahui tahap personaliti seseorang pelajar. Analisis ini dikenali sebagai Inventori Personaliti Sidek (IPS) yang telah dibina oleh Dr. Sidek bin Noah, seorang pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Ujian ini mempunyai 160 soalan berdasarkan 16⁴ tret personaliti. Setiap pelajar dikehendaki menjawab sama ada 'ya'

⁴ 16 personaliti ini ialah (1) Agresif, (2) Analitikal, (3) Autonomi, (4) Bersandar, (5) Ekstrovert, (6) Intelektual, (7) Introvert, (8) Kepelbagaian, (9) Ketahanan, (10) Kritik Diri, (11) Mengawal, (12), Menolong, (13) Sokongan, (14) Struktur, (15) Pencapaian dan (16) Ketidakselarasan.

atau 'tidak' dalam masa 25-30 minit. Matlamat ujian ini ialah untuk lebih memahami diri pelajar berdasarkan personaliti yang ditonjolkan oleh mereka.

Keputusan daripada analisis ini mendapati tahap personaliti pelajar SHD dan pelajar SHF adalah hampir sama. Mereka mempunyai tahap personaliti yang lebih menyerlah kepada personaliti bersandar. Ini bermakna, pelajar-pelajar SHD dan SHF lebih bersifat terlalu bergantung kepada orang lain. Mereka lebih selesa mendapatkan pendapat dan nasihat orang lain sebelum membuat sesuatu keputusan. Bagi pelajar SHR pula, mereka mempunyai tahap personaliti yang lebih tinggi kepada personaliti analitikal. Ini bermakna pelajar SHR merupakan pelajar yang suka menganalisis orang ataupun diri sendiri. Dalam erti kata lain, mereka adalah pelajar yang lebih sensitif kepada persekitaran. Secara keseluruhannya, kesemua pelajar FPPSM mempunyai personaliti yang hampir sama.

Lima personaliti yang paling ketara ialah personaliti bersandar, agresif, autonomi, analitikal dan introvert. Ini bermakna kebanyakan pelajar FPPSM lebih bersikap terlalu bergantung, suka mengkritik, tidak suka dikongkong, sensitif kepada persekitaran dan tidak suka bersosial.


Aktiviti ini membantu pelajar supaya lebih memahami diri mereka dan rakan-rakan supaya dapat bergaul sesama mereka dengan lebih baik. Selain itu, maklumat ini juga membantu pihak fakulti dalam menyusun aktiviti-aktiviti pelajar dan slot motivasi yang lebih cenderung kepada tahap personaliti mereka.

Maklum Balas Penilaian Program

Peserta program telah diberi borang soal selidik bagi membuat penilaian program. Peserta diminta untuk menilai dengan menggunakan skala Likert (1- Sangat Lemah, 2 – Lemah, 3- Sederhana, 4 – Baik dan 5 – Sangat Baik). Perkara-perkara yang dinilai terdiri daripada modul, kemudahan yang disediakan dan penceramah.


Daripada sudut modul, lima perkara telah dinilai iaitu kandungan program, kesesuaian isi, jangka masa, bahan-bahan dan matlamat. Majoriti berpendapat bahawa modul program yang disediakan adalah baik dan sesuai dan berjaya mencapai matlamat program. Rajah berikut menunjukkan analisis terperinci modul yang diperolehi daripada peserta program.

ANALISIS MAKLUM BALAS MENGENAI MODUL DISEDIAKAN UNTUK PROGRAM



Penilaian


ANALISIS MAKLUM BALAS MENGENAI MODUL DISEDIAKAN UNTUK PROGRAM



Penilaian

Rajah 3: Analisis Maklum Balas Mengenai Modul Disediakan untuk Program

Peserta juga diminta memberi penilaian mengenai kemudahan yang disediakan. Kemudahan termasuk peralatan, suasana bilik dan juga makanan. Berikut keputusan yang diperolehi daripada analisis data.



Rajah 4: Analisis Maklum Balas Kemudahan Program

Berdasarkan rajah 4 di atas, dapat dilihat bahawa kemudahan yang disediakan iaitu dari segi peralatan, suasana bilik, peluang berinteraksi, peluang memberi pendapat, gerak kerja berkumpulan, tempat program dan makanan yang disediakan adalah baik iaitu lebih 50 peratus dan amat baik melebihi 25 peratus.

Penilaian Penceramah


Bagi setiap program, keupayaan penceramah amat penting bagi memastikan bahawa matlamat program dapat dicapai. Dari itu peserta juga dikehendaki untuk membuat penilaian terhadap penceramah bagi slot yang berkaitan, Lima item iaitu bahasa, kreatif dalam menarik perhatian peserta, keyakinan, tidak menyimpang dan tumpuan telah dibuat penilaian.

Item	Penceramah 1	Penceramah 2	Penceramah 3	Penceramah 4
Bahasa	4.57	4.65	4.64	4.79
Kreatif	4.49	4.70	4.67	4.81
Keyakinan diri	4.65	4.71	4.70	4.79
Tidak menyimpang	4.53	4.66	4.68	4.64
Tumpuan	4.57	4.69	4.68	4.80

Daripada min yang dihasil daripada data skala Likert yang diperolehi, menunjukkan secara keseluruhan penceramah-penceramah telah mencapai skor yang tinggi bagi setiap item yang dilihat. Boleh dikatakan bahawa penceramah-penceramah telah berjaya menyampaikan ceramah mereka dengan berkesan.

Analisis Pencapaian Pelajar

Analisis pencapaian pelajar telah dibuat pada akhir Semester II ke atas pelajar yang menyertai program ini. Peserta Program kecemerlangan FPPSM terdiri daripada ketiga-tiga program fakulti iaitu SHR, SHD dan SHF. Seramai 79 peserta yang terpilih telah menghadiri program. Perincian dan pecahan peserta mengikut program dan kumpulan ditunjukkan dalam rajah 5 di bawah.




Rajah 5: Peserta Program Kecemerlangan FPPSM

Analisis Pencapaian Pelajar Cemerlang

Analisis pencapaian bagi setiap kumpulan dilihat dari segi PNG sama ada peningkatan, penurunan atau tidak berubah. Bagi pelajar cemerlang SHF yang mengikuti program ini, sebanyak 75 peratus mendapat peningkatan PNG manakala 70 peratus pelajar cemerlang SHD juga meningkat PNG. Walau bagaimana pun bagi pelajar cemerlang SHR hanya 32 peratus meningkat PNG mereka manakala yang mengalami penurunan PNG adalah


lebih besar iaitu 68 peratus. Terdapat juga keadaan dimana sebanyak 20 peratus pelajar cemerlang SHD tidak berlaku perubahan PNG.



Rajah 6: Analisis Pencapaian Pelajar Cemerlang

Analisis Pencapaian Pelajar Kurang Cemerlang

Bagi pelajar dalam kumpulan ini, terdapat peratusan peningkatan yang besar iaitu 89 peratus pelajar kurang cemerlang SHD telah mendapat peningkatan PNG mereka. Pelajar SHF (sebanyak 75 peratus) dalam kumpulan ini juga mendapat peningkatan PNG mereka. Walaupun begitu terdapat juga peratusan di mana kumpulan pelajar telah mengalami penurunan PNG. Terdapat juga dalam peratusan kecil pelajar yang tidak mengalami perubahan dalam PNG mereka. Perincian tersebut dapat dilihat di rajah 7 di bawah.



Rajah 7: Analisis Pencapaian Pelajar Cemerlang

Perbincangan dan Kesimpulan

Secara keseluruhan program motivasi yang telah dijalankan khusus untuk pembangunan pelajar ini telah berjaya mencapai objektif dalam mengenal pasti masalah pelajar dan cara mengatasinya, mengenal pasti masalah luaran dan mengenal pasti tret personaliti. Daripada maklum balas peserta, dapat dikenal pasti bahawa program boleh dikatakan cemerlang dari sudut penyediaan modul yang sesuai dan relevan, mampu menyediakan kemudahan untuk para peserta dan yang tidak kurang penting mempunyai barisan penceramah yang berjaya memberi ceramah dengan berkesan.

Daripada analisis pencapaian pelajar yang mengikuti program kecemerlangan di akhir semester II, boleh juga dikatakan bahawa secara umumnya pelajar telah mencapai peningkatan PNG mereka. Namun begitu terdapat juga persoalan yang perlu dijawab iaitu berlaku penurunan PNG dan tiada perubahan PNG bagi peserta program ini. Satu analisis terperinci perlu dilakukan bagi memastikan faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini.

Bagi setiap program yang dijalankan pasti akan terdapat kelemahan dan kekurangan yang berlaku dan program ini juga tidak terlepas daripada perkara ini. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah kekurangan fasilitator untuk mengendali program dan kemudahan tempat program yang boleh ditingkatkan lagi. Walau bagaimanapun kelemahan dan kekurangan ini tidaklah sampai mengagalkan program ini.

Adalah dicadangkan program kecemerlangan pelajar FPPSM ini diteruskan pada masa hadapan setelah diperbaiki kelemahan dan kekurangan yang ada. Dicapadangkan pelajar yang terlibat dalam program ini terus dipantau dan dibantu bagi mencapai kecemerlangan sehingga mereka bergraduasi.

Rujukan:

Abd. Jalil Borhan (1999), Pembangunan Pelajar: Konsep dan Strategi Pelaksanaan , Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan 1999.

Hazil Abdul Hamid (1990), Sosiologi Pendidikan: Dalam Perspektif Pembangunan Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur,

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001.

Nor Aini Idris, Madeline Berma, Faridah Shahadan (1996), Wanita Malaysia dalam Era Pembangunan Industri. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Noran Fauziah (1993), Sumber Manusia Dalam Organisasi, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.